



**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
BILANGAN: 05/2021**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اسلامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kepada:

**Semua Pengurus-Pengurus, Para Majikan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Assalamualaikum dan salam sejahtera Tuan/Puan,

Berikutan kenyataan media Kementerian Kesihatan mengenai situasi terkini jangkitan COVID-19 dimana sejak dua minggu ini terdapatnya peningkatan jumlah jangkitan COVID-19 dari kalangan tempat-tempat penginapan pekerja asing, sukacita memperingatkan Tuan/Puan bahawa merujuk Perintah Pekerjaan 2009, khususnya Bab 80 dan 81 yang menyatakan;

80. Tiap tiap majikan yang berjanji untuk menyediakan tempat tinggal bagi pekerja buruh yang digaji sama ada olehnya atau oleh orang lain yang dengannya dia telah membuat suatu kontrak perkhidmatan hendaklah menyediakan dan menyelanggarakan bagi pekerja buruh itu dan tanggungannya -

- (a) tempat tinggal yang bersih yang mencukupi dan sempurna;**
- (b) bekalan air selamat diminum yang mencukupi; dan**
- (c) penyusunan kebersihan yang mencukupi dan sempurna.**

81. (1) Semua tempat tinggal yang disediakan hendaklah dibina menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(2) Semua tempat tinggal tersebut hendaklah diselenggarakan dan sentiasa berkeadaan bersih menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain.

2. Oleh yang demikian dalam sama-sama membantu usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung penularan wabak ini, maka Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini mengarahkan para majikan untuk lebih bertanggungjawab terhadap kediaman / penginapan dan kesejahteraan pekerja masing-masing dengan mempastikan perkara – perkara seperti berikut untuk diambil tindakan segera:

- 2.1 Tempat kediaman hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih;
- 2.2 Mempastikan *Standard Operating Procedure* (SOP) Kementerian Kesihatan di tempat-tempat kediaman pekerja adalah dipatuhi setiap masa seperti pemakaian mask dengan betul, penjarakan sosial dan mengelakkan perkumpulan;
- 2.3 Penyediaan pengasingan tempat kediaman yang bersesuaian bagi pekerja-pekerja yang sihat dan tiada jangkitan COVID-19 dengan pekerja yang menjalani pengasingan diri (*quarantine order*);
- 2.4 Jika tempat kediaman berkenaan terlalu ramai (*overcrowded*) para majikan dengan serta merta hendaklah memindahkan pekerja-pekerja di bawah jagaan nya ke tempat kediaman yang lebih bersesuaian menurut piawaian yang tetapkan oleh Jabatan Buruh tertakluklah jua kepada kehendak yang disebutkan di perenggan 2.3 di atas. Bersama ini disertakan piawaian tempat tinggal pekerja bagi rujukan dan tindakan mengenainya;
- 2.5 Para majikan juga dikehendaki supaya sebarang penyediaan tempat tinggal pekerja yang baru atau yang akan dipindah hendaklah jua dimaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Pesuruhjaya Buruh melalui Bahagian Pengawatkuasaan secara rasmi bagi memastikan tempat berkenaan bersesuaian sepertimana yang diperuntukkan dibawah Bab 86 Perintah Pekerjaan 2009 dan mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini;

2.6 Pekerja – pekerja dibawah jaminan Tuan/Puan hendaklah di vaksinasi; dan

2.7 Hendaklah mengadakan ujian *Antigen Rapid Test* (ART) bagi pekerja-pekerja sekurang-kurangnya sekali bagi setiap minggu. Kit ART hendaklah yang diperakui oleh Kementerian Kesihatan seperti mana senarai yang dilampirkan.

3. Setiap majikan adalah diperingatkan bahawa adalah menjadi kesalahan jika didapati melanggar Perintah Pekerjaan 2009 yang berkaitan dengan penginapan pekerja iaitu:

3.1 Dikenakan denda kompaun bagi kesalahan pertama sejumlah \$600 dan bagi kesalahan kedua denda sejumlah \$900; atau

3.2 Dihadapkan ke Mahkamah yang mana boleh dikenakan hukuman suatu denda tidak melebih dari \$3,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

4. Jabatan Buruh bersama agensi-agensi berkepentingan yang berkenaan akan membuat pemeriksaan dan operasi terhadap tempat-tempat kediaman pekerja. Jika didapati tidak memenuhi undang-undang atau piawaian, maka tindakan akan diambil menurut sepertimana jua yang dinyatakan di perenggan 3 di atas dan termasuklah jua mana-mana perundangan lain yang berkenaan yang berkuatkuasa pada masa ini.

5. Dalam kesempatan ini, dimaklumkan bahawa merujuk sidang akhbar Kementerian Kesihatan mengenai situasi COVID-19 bertarikh 13 Oktober 2021, majikan juga akan dikenakan denda kompaun sejumlah \$500.00 bagi setiap pekerja asing yang melanggar larangan keluar rumah daripada jam 8 malam sehingga 4 pagi bermula 13 Oktober 2021 sepanjang mana Operasi Pulih berjalan. Oleh itu, sukacita jua memperingatkan majikan untuk sama-sama bertanggungjawab terhadap keberadaan pekerja masing-masing terutamanya semasa larangan keluar rumah tersebut.



Kerjasama dari majikan-majikan kearah perkara-perkara yang disebutkan adalah sangat diharapkan bagi membantu usaha pihak Kerajaan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini. Bagi sebarang pertanyaan Tuan / Puan bolehlah menghubungi talian hotline Jabatan Buruh 7298989.

Sekian disampaikan untuk makluman dan perhatian mengenainya.

“Perkhidmatan Berasaskan Kesabaran dan Keyakinan”
“Sunnah Rasulullah, Suluh Kehidupan”

Dengan hormat,


[MUHAMMAD SAUFI BIN AWANG HAJI IBRAHIM]
Pesuruhjaya Buruh

Tarikh: 09 Rabiulawal 1443 / 16 Oktober 2021

Ruj. Fail: PJB/2004/13/1

s.k.: PJB/3000/213/5

JM2_Oct'2021 (Surat Pemberitahuan 2021)